

SULIT

**1103/1
Bahasa Melayu
Kertas 1
2 ¼ jam**



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

TAHUN 2007

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Garis Panduan dan Peraturan Pemarkahan

Garis Panduan dan Peraturan Pemarkahan Bahasa Melayu Kertas 1

Bahagian A (30 markah)

1. Panduan Jawapan

- 1.1 Calon mesti menghuraikan dua aspek:
 - kekangan/halangan untuk mengatasi masalah cetak rompak
 - langkah/cara mengatasi
- 1.2 Semua cadangan yang dikemukakan bersesuaian dengan carta dalam soalan atau tidak - **diterima.**
- 1.3 Karangan yang lengkap:
 - Pendahuluan
 - Idea / isi (huraian + contoh) ungkapan menarik
 - Kesimpulan/Penutup

2. Langkah-Langkah Memeriksa

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan **kesan (impression)** daripadanya. Kemudian, menilai dan menganggarkan peringkat karangan berkenaan sama ada dapat dimasukkan ke peringkat **Cemerlang, Kepujian, Memuaskan, Kurang Memuaskan** atau **Pencapaian Minimum**. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah **Tugasan/Tema, Bahasa, Wacana & Idea.**
- 2.2 Panjang karangan: Antara 200 – 250 patah perkataan
Lebih 250 patah perkataan – periksa seperti biasa
Kurang 200 patah perkataan 'impression' turun
- 2.3 Ejaan dan Format – tiada penolakan markah.
- 2.4 Sila rujuk **Kriteria Penskoran Bahagian A (m.s 4)** tentang peraturan dan cara pemberian markah.

Bahagian B (100 markah)

1. Panduan Jawapan

- 1.1 Soalan 1
Diharapkan: Calon dapat membincangkan ketiga-tiga aspek keseimbangan diri iaitu **akademik, kokurikulum** dan **sahsiah** dalam menentukan kecemerlangan hidup seseorang.
- 1.2 Soalan 2
Diharapkan: Calon dapat mewawancara **seorang** Tokoh Ibu Mithali berkaitan peranan ibu dengan peranan ibu dalam menentukan kerjaya anak-anak.
Format: Wawancara
 - Pendahuluan (2m)
 - Bentuk Dialog (2m)

1.3 Soalan 3

Diharapkan: Calon dapat menulis rencana tentang prinsip Rukunegara yang kelima **Kesopanan dan Kesusilaan** memang merupakan hasrat negara untuk memantapkan jati diri bangsa Malaysia.

1.4 Soalan 4

Diharapkan: Calon dapat membincangkan **sumbangan negara Malaysia** dalam mewujudkan hubungan baik antara negara jiran bagi **meningkatkan kestabilan politik, ekonomi dan sosial** sesebuah negara.

1.5 Soalan 5

Diharapkan: Calon dapat mencadangkan **usaha-usaha** atau **langkah-langkah** untuk menggalakkan generasi muda meminati **puisi lama (pantun, syair, gurindam, seloka)**.

2. Langkah-langkah memeriksa

2.1 Pemeriksa hendaklah membaca karangan itu sekali lalu terlebih dahulu untuk mendapatkan **kesan (impression)** daripadanya. Kemudian, menilai dan menganggarkan peringkat karangan berkenaan sama ada dapat dimasukkan ke peringkat **Cemerlang, Kepujian, Baik, Memuaskan, Kurang Memuaskan** atau **Pencapaian Minimum**. Perkara yang perlu diperhatikan semasa membuat pertimbangan ialah **Bahasa, Laras, Idea, Pengolahan, Gaya Bahasa**.

2.2 Panjang karangan: 350 patah perkataan
 Lebih 350 patah perkataan – periksa seperti biasa
 Kurang 350 patah perkataan 'impression' turun

2.3 Penolakan markah – Ejaan (maksimum 3 markah) 1 kesalahan = ½ markah.
 Format (maksimum 4 markah)

2.4 Sila rujuk **Kriteria Penskoran Bahagian B (m.s 5)** tentang peraturan dan cara pemberian markah.

3. Panduan Menanda Karangan (Bahagian A dan B)

_____ = kesalahan kata/frasa/ayat/bahasa

() = kesalahan isi/fakta

○ = kesalahan tanda baca

/ = kesalahan ejaan

// = kesalahan ejaan berulang

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

PERCUBAAN SPM 2007 : BAHASA MELAYU KERTAS SATU
KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A
TEMA : CETAK ROMPAK

PERINGKAT	TUGASAN / TEMA	BAHASA	WACANA	IDEA
MARKAH				
CEMERLANG (26 - 30) (28 - 30) (26 - 27)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Menepati tema 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Gramatis dari segi kata dan ayat ❖ Tanda baca betul dan tepat ❖ Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru ❖ Kosa kata luas dan tepat 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Lengkap ❖ Unsur bahasa bervariasi ❖ Guna ungkapan yang menarik 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Relevan dengan tema bahan rangsangan ❖ Dihuraikan dengan jelas dan matang
KEPUJIAN (20 - 25) (23 - 25) (20 - 22)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Menepati tema 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Gramatis dari segi kata dan ayat ❖ Tanda baca betul dan tepat ❖ Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru ❖ Kosa kata luas 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Lengkap ❖ Unsur bahasa bervariasi 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Relevan dengan tema bahan rangsangan ❖ Dihuraikan dengan jelas
MEMUASKAN (15 - 19) (17 - 19) (15 - 16)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Masih menepati tema 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Masih gramatis dari segi kata dan ayat ❖ Tanda baca betul dan tepat ❖ Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru ❖ Kosa kata umum 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Masih lengkap ❖ Unsur bahasa masih bervariasi 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Masih relevan dengan tema bahan rangsangan ❖ Huraian idea masih jelas
KURANG MEMUASKAN (10 - 14) (12 - 14) (10 - 11)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Masih / kurang menepati tema 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kurang gramatis dari segi kata dan ayat ❖ Kesalahan tata bahasa ketara ❖ Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara ❖ Kosa kata terhad 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kurang lengkap ❖ Unsur bahasa kurang bervariasi 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Masih / kurang relevan dengan tema bahan rangsangan ❖ Huraian masih / kurang jelas
PENCAPAIAN MINIMUM (01 - 09) (06 - 09) (01 - 05)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Tidak memahami tema bahan rangsangan 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. 	

CATATAN : Ungkapan yang menarik termasuk peribahasa (simpulan bahasa, bidalan, pepatah, petiti, dan perumpamaan), cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.

Tiada penolakan markah ejaan dan format.

BAHASA MELAYU SPM
KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN B

PERINGKAT MARKAH	BAHASA (MEKANIS)	LARAS (DINAMIS)	IDEA (ISI)	PENGOLAHAN	GAYA BAHASA
CEMERLANG (80 – 100)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelbagai jenis kata yang sangat luas dan tepat ❖ Pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis ❖ Ejaan dan tanda baca betul 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Laras bahasa sesuai dengan tugasan ❖ Kosa kata luas dan tepat 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Idea yang relevan ikut tugasan ❖ Huraian isi jelas dan matang ❖ Contoh yang sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Olahan sangat menarik dan berkesan ❖ Pemerengganan sesuai ❖ Wacana lengkap ❖ Terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Menggunakan unsur bahasa yang bervariasi ❖ Gaya bahasa sangat menarik dari segi keindahan bahasa ❖ Menggunakan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa menarik
KEPUJIAN (66 – 79)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelbagai jenis kata yang tepat ❖ Pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis ❖ Terdapat kesalahan yang minimum ❖ Ejaan dan tanda baca betul 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Laras bahasa sesuai dengan tugasan ❖ Kosa kata luas dan tepat 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Idea yang relevan ikut tugasan ❖ Huraian isi jelas ❖ Contoh yang sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Olahan menarik dan berkesan ❖ Pemerengganan sesuai ❖ Wacana lengkap ❖ Terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Menggunakan unsur bahasa yang bervariasi ❖ Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa ❖ Menggunakan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata dan frasa menarik
BAIK (51 – 66)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelbagai jenis kata yang sesuai ❖ Pelbagai ayat majmuk yang gramatis ❖ Terdapat kesalahan yang minimum ❖ Ejaan dan tanda baca masih betul 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Laras bahasa masih kurang sesuai dengan tugasan ❖ Kosa kata umum 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Idea yang relevan ikut tugasan ❖ Huraian isi masih jelas ❖ Contoh masih sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Olahan masih menarik ❖ Pemerengganan masih sesuai ❖ Wacana masih lengkap 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Menggunakan unsur bahasa yang masih bervariasi ❖ Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa ❖ Menggunakan ungkapan tetapi kurang berkesan
MEMUJASKAN (36 – 50)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Pelbagai jenis kata terhad ❖ Ayat masih kurang gramatis ❖ Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Laras bahasa masih / kurang sesuai dengan tugasan ❖ Kosa kata umum 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Idea masih relevan ikut tugasan ❖ Huraian isi kurang jelas ❖ Contoh kurang sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Olahan masih / kurang menarik ❖ Pemerengganan kurang sesuai ❖ Wacana masih / kurang lengkap 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Menggunakan unsur bahasa yang masih / kurang bervariasi ❖ Gaya bahasa masih / kurang menarik dari segi keindahan bahasa ❖ Menggunakan ungkapan tetapi kurang berkesan
KURANG MEMUJASKAN (21 – 35)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Kata kurang tepat ❖ Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami ❖ Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara 		<ul style="list-style-type: none"> ❖ Idea masih relevan ikut tugasan ❖ Huraian isi kurang jelas ❖ Contoh kurang sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Olahan kurang menarik ❖ Pemerengganan kurang sesuai ❖ Wacana masih / kurang lengkap 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Menggunakan unsur bahasa yang bervariasi ❖ Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa ❖ Menggunakan ungkapan tetapi kurang berkesan
PENCAPAIAN MINIMUM (01 – 20)	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Keseluruhan penggunaan kata dan ayat tidak gramatis ❖ Kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara 		<ul style="list-style-type: none"> ❖ Idea bercampur aduk ❖ Huraian tidak jelas/ tidak berkambang ❖ Contoh tidak sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Olahan tidak menarik ❖ Pemerengganan tidak seimbang ❖ Wacana tidak lengkap 	<ul style="list-style-type: none"> ❖ Bahasa lemah dan tidak menarik dari segi keindahan bahasa ❖ Gaya ungkapan lemah dan tidak menarik ❖ Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami

****Nota:** Penilaian markah ejaan = 3 markah (maksimum) 1 kesalahan = ½ markah.

Penilaian markah format = 4 markah (maksimum)

SULIT

**1103/2
Bahasa Melayu
Kertas 2
2 ½ jam**



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

TAHUN 2007

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

Garis Panduan dan Peraturan Pemarkahan

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 markah dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi (20 markah)

Nota

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan tandakan jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.
(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		16
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
Jumlah Markah											20

(b) Bahasa (10 markah)

Asas pemberian markah tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 5	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan

Pendahuluan/ Pengenalan [2 markah]

Petikan membincangkan langkah-langkah / cara-cara/teknik/kaedah/prakasa kerajaan menjadikan sekolah sebagai alat pengekal perpaduan di negara ini.

Isi Tersurat (4 hingga 12 markah)**Markah**

- | | |
|---|---|
| 1. menyusun semula sistem pendidikan kebangsaan | 2 |
| 2. meningkatkan imej sekolah kebangsaan | 2 |
| 3. menjadikan sekolah kebangsaan lebih menarik kepada semua bangsa | 2 |
| 4. sebagai nukleus masyarakat Malaysia | 2 |
| 5. pembentukan kurikulum baru untuk sekolah kebangsaan perlu diteliti | 2 |
| 6. sekolah kebangsaan seharusnya menawarkan mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil | 2 |
| 7. menganjurkan aktiviti berbentuk sukan atau sosial bersama-sama | 2 |

Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)

- | | |
|--|---|
| 1. memartabatkan sistem pendidikan kebangsaan [S1] | 2 |
| 2. mewujudkan ciri-ciri sekolah kebangsaan yang berkualiti [S2] | 2 |
| 3. ciri-ciri sekolah kebangsaan bersesuaian dengan keperluan semua kaum/ sekolah kebangsaan terbuka kepada semua kaum [S3] | 2 |
| 4. kaedah pendidikan dan pengajaran yang menyeluruh dan berkesan [S4] | 2 |
| 5. sekolah kebangsaan menawarkan pembelajaran bahasa pelbagai kaum [S5] | 2 |
| 6. sekolah mewajibkan murid pelbagai kaum melibatkan kaum melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum[S7] | 2 |

Kesimpulan/Penutup (2 markah)

Semua pihak semestinya berganding bahu ke arah pembentukan sekolah kebangsaan (1 markah)
yang lebih berkesan agar masyarakat yang berjiwa Malaysia dapat diwujudkan. (1 markah) 2

atau

Peranan sekolah kebangsaan perlu dipertingkatkan agar perpaduan kaum dalam negara (1 markah) dikekalkan. (1 markah) 2

atau

Peranan sekolah kebangsaan perlu dipertingkatkan **kerana** perpaduan penting untuk
(1 markah) (1 markah)

pembangunan sesebuah negara.

2

Terima mana-mana kesimpulan yang sesuai.

****Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a): **9** markah
- Soalan 2(b): **9** markah
- Soalan 2(c): **8** markah
- Soalan 2(d): **9** markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang **sempurna/lengkap**.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan separuh (50%) daripada **markah** yang **diperuntukkan** sahaja.
4. Kesalahan **bahasa** dan **ejaan** hendaklah **ditolak ½ markah** daripada setiap ceraiian soalan.
5. Jawapan bagi **Soalan 2(b)**, **2(c)** dan **2(d)** mestilah berdasarkan teks **Komponen Kesusasteraan Melayu** yang ditetapkan.
6. Jika dijawab dalam bentuk poin tolak **50%** bagi setiap ceraiian.

Soalan 2(a) : Petikan Umum**(i) Maksud:**

- alat / saluran (untuk menyampaikan sesuatu) / yang sangat efektif
(1m) (1m)

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Sebab-sebab:**

- kebolehan masyarakat yang berbilang bangsa dapat hidup bersama-sama antara satu sama lain 1m
- kebolehan masyarakat yang berbilang bangsa bekerjasama antara sama lain 1m
- keprihatinan/ kepemimpinan ahli politik/pemimpin masa dahulu 1m
- rakyat peka/ambil berat tentang isu perpaduan kaum 1m
- komen terhadap isu polarisasi kaum perlu diutamakan 1m

[Maksimum: 3 markah]**(iii) Langkah-langkah:**

- aktiviti sukan contoh di peringkat kampung, daerah, taman perumahan 1m
- aktiviti kemasyarakatan/ sukarela contoh gotong-royong, ziarah-menziarahi 1m
- aktiviti rekreasi contoh Hari Keluarga, senamrobik 1m
- pelancongan 1m

[Maksimum: 4 markah]**** (Jawapan lain yang dikaitkan dengan unsur perpaduan diterima)****Soalan 2(b) : Petikan Drama "Kerusi"****(i) Sifat-sifat SRISEGALA mengikut pandangan PUTRA:-**

- pilih kasih / mementingkan diri/pengikut / kroni
 - kejam / tidak berperikemanusiaan
 - gila kuasa
 - berpura-pura / bermuka-muka
- [pilih mana-mana 3 isi = 3 m]**

[Maksimum: 3 markah]**(ii) Sebab-sebab menentang pemerintah yang zalim:**

- untuk menegakkan keadilan
 - untuk kesejahteraan /perpaduan rakyat
 - untuk keamanan negara
 - untuk kemakmuran /kekayaan negara
- [pilih mana-mana 3 isi = 3 m]**

[Maksimum: 3 markah]**(iii) Persoalan dalam petikan:**

- keberanian menentang pemerintah yang zalim
- ketaatan kepada ketua/ sebagai 'pak turut'
- perjuangan menentang ketidakadilan

Persoalan dalam keseluruhan drama:

- kezaliman yang dilakukan lambat-laun akan menerima pembalasan
 - persoalan isteri yang hanya mementingkan kebendaan dan kesempurnaan suami
 - pengorbanan yang terpaksa dilakukan sebelum mencapai kejayaan dalam perjuangan
- [pilih mana-mana 2 isi = 3 m]**

[Maksimum: 3 markah]

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik

- (i) **Tujuan:**
- diperintah/disuruh oleh Sultan Melaka/ untuk meminang Puteri Gunung Ledang. 2m
(1m) (1m)
[Maksimum: 2 markah]
- (ii) **Keadaan fizikal Utusan Kedua Puteri Gunung Ledang:**
- perempuan tua 1m
- bongkok belakangnya 1m
- berlipat tiga 1m
[Maksimum: 3 markah]
- (iii) **Wajar:**
Alasan-alasan
- menunjukkan bahawa baginda merupakan raja yang berdaulat 1m
- menunjukkan bahawa baginda merupakan raja yang berkuasa 1m
- tidak berperikemanusiaan / zalim 1m
- memiliki naluri /keinginan luar biasa 1m
Tidak wajar:
Alasan-alasan
- bersifat pengasih / penyayang 1m
- tidak sampai hati 1m
- syarat yang dikemukakan terlalu berat/ tidak munasabah 1m
- tidak mementingkan diri sendiri 1m
**** (Jawapan /alasan lain yang munasabah diterima)**
[Maksimum: 3 markah]

Soalan 2(d) : Petikan Puisi

- (i) **Maksud:**
mengenang (mengingat kembali)/ untuk berjumpa seseorang(ingin benar akan sesuatu) /
(1m) (1m)
serta peristiwa masa lalu
[Maksimum: 2 markah]
- (ii) **Sebab-sebab:**
- terlalu miskin untuk menanggung perbelanjaan penyajak melanjutkan pelajaran 1m
- tidak pasti akan arah tuju anaknya selepas kejayaan itu 1m
- sifat semula jadi ayah yang keras hati / kurang menunjukkan rasa kasih sayang 1m
- tidak mampu memberi apa-apa hadiah / penghargaan atas kejayaan anaknya 1m
[Maksimum: 3 markah]
- (iii) **Pengajaran:**
- kita janganlah melupakan kampung halaman setelah berhijrah ke bandar 1m
- kita hendaklah membalas / mengenang jasa ibu bapa 1m
- kita hendaklah mengenang jasa guru yang mendidik kita 1m
- kita hendaklah gigih belajar walaupun berada dalam keadaan serba kekurangan 1m
- kita hendaklah gigih berusaha untuk berjaya 1m
- kita hendaklah berbakti kepada masyarakat/ tempat asal kita 1m
[Maksimum: 4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3 (a): **6** markah
- Soalan 3 (b): **6** markah
- Soalan 3 (c): **6** markah
- Soalan 3 (d): **6** markah
- Soalan 3 (e): **6** markah

Perhatian bagi Soalan 3 (a)

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa / tanda baca** daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**.
5. Jika memberikan makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ **markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan dipakai dalam **satu ayat**, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas tolak $\frac{1}{2}$ **markah**.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan **0 markah**.

3 (a)

- i. terang
 - keadaan (cahaya atau sinar) yang menyebabkan sesuatu keadaan sekilas boleh dilihat
 - tidak gelap
 - siang (hari)
 - bersih kerana (sudah) ditebasi atau ditebangi (kawasan semak)
 - tidak diselaputi awan (langit), bersih, jernih (langit, udara)
 - tidak terlindung sedikit pun (pemandangan), nyata (pandangan, pendengaran, penglihatan), jelas
 -

terang-terang

 - tidak berselindung / terlindung lagi
 - nyata / jelas sekali
 - ketara (sesuatu perbuatan)
- ii. para
 - kata (yang mendahului kata-kata lain)
 - menyatakan ramai
 - getah / karet
 - singkatan bagi paragraf

para-para

 - sejenis rak daripada kayu / buluh (untuk meletak/menyimpan barang-barang)
- iii. api
 - nyalaan daripada sesuatu yang dibakar / terbakar
 - kepanasan / haba yang digunakan untuk memasak
 - kebakaran
 - elektrik (bil)

[Lihat sebelah
SULIT

- sesuatu perasaan (seperti marah, rindu, suka dan lain-lain)

api-api

- sejenis serangga / kunang-kunang
- sejenis tumbuhan / pokok (api-api)

3 (b) Cakap ajuk kepada bentuk rencana / cakap pindah.

Adam bertanya kepada Mei Li dan Shanti perkara yang sedang mereka bincangkan itu di perpustakaan. Mei Li memberitahu bahawa mereka sedang mengulangkaji mata pelajaran Matematik. Adam mengagak tentu mereka sedang menyiapkan latihan yang diberikan oleh Cikgu Normah. Shanti menjelaskan / menafikan bahawa mereka bukannya membincangkan latihan yang diberikan oleh Cikgu Normah tetapi mereka sedang mengulangkaji sebagai persiapan untuk menghadapi peperiksaan SPM. Dengan perasaan risau Adam ingin tahu akan tempoh masa peperiksaan SPM. Mei Li dan Shanti serentak menjawab bahawa peperiksaan SPM hanya tinggal tiga bulan sahaja dan menyarankan agar mereka bersedia mulai sekarang.

[6 markah]

****Nota:**

- Jawapan hendaklah dalam bentuk rencana.
- Beri **0 markah** jika calon menjawab dalam bentuk dialog.
- Tolak $\frac{1}{2}$ markah daripada keseluruhan markah diperolehi bagi kesalahan tatabahasa.
- Satu ayat 1 = 1 markah

[6 markah]

3 (c)

- | | | | |
|------|------------|---|----------------|
| i. | disiram | - | di atas |
| ii. | kejohanan | - | ditemu ramah |
| iii. | urus setia | - | mengetengahkan |

[6 markah]

3 (d)

- | | | | |
|------|----------------------------|---|---------------------------------------|
| i. | pelantikan
dari | - | pertabalan
daripada |
| ii. | tatatertib
di kalangan | - | disiplin
dalam kalangan |
| iii. | Taman ASEAN Mini
hadiri | - | Taman Mini ASEAN
kunjungi / lawati |

[6 markah]

3 (e) Peribahasa:

- di mana ada kemahuan di situ ada jalan 2m
 - negara matahari terbit 2m
 - jauh perjalanan / berjalan luas pemandangan 2m
 - hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri lebih baik di negeri sendiri 2m
- [pilih mana-mana 3 peribahasa = 6 markah]

[Maksimum: 6 markah]

Soalan 4

Markah penuh 15 markah

Perhatian bagi soalan 4

1. Jawapan (a) berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari.
2. Jawapan bagi (b) mestilah berdasarkan mana-mana dua novel yang dipelajari.
3. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna/lengkap.
4. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.
5. Markah bahasa tidak boleh melebihi markah isi.
6. Jika **pernyataan** yang diberikan **betul** tetapi **huraian salah** berikan **0** markah.

Perhatian bagi (a)

- (i) Jawapan tepat berdasarkan teks yang dipelajari.
- (ii) Pernyataan mestilah benar dan disokong dengan contoh/peristiwa yang tepat.
- (iii) Markah maksimum untuk **isi 4 markah** dan markah maksimum untuk **bahasa 3 markah**.

Novel - Di Hadapan Pulau

Latar masa	Peristiwa
1. Sebelum dan ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu.	- Kedatangan tentera Berikat membuat persediaan untuk menghadapi kemaraan tentera Jepun.
2. Sekitar tahun 1942 -1945	- tempoh Tanah Melayu dijajah oleh tentera Jepun.
3. Waktu pagi	Mana-mana peristiwa yang bersesuaian
4. Tengah hari	
5. Petang	
6. Malam	- Dorani terkenang akan anaknya, Mohideen yang tetap menghantar wang kepadanya walau di manapun dia berada.

Novel - Putera Gunung Tahan

Latar masa	Peristiwa
1. Zaman penjajahan Inggeris di Tanah Melayu atau pada zaman sebelum merdeka.	- Kekalahan pahlawan-pahlawan Pahang seperti Bahaman, Mat Kilau dan Mat Gajah.
2. Tahun 1937 atau 20 tahun sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan	- Kedatangan pihak British ke Tanah Melayu
3. Zaman penentangan orang Melayu terhadap penjajahan Inggeris	- peperangan menentang Inggeris yang dipimpin oleh Bahaman, Mat Gajah dan Mat Kilau. - orang Melayu yang kalah dalam peperangan bersembunyi di dalam hutan sebagai contohnya perempuan tua.
4. Tahun 1926	- sebelum berlaku banjir besar (bah merah)
5. Waktu siang iaitu pagi	Mana-mana peristiwa yang bersesuaian
6. Malam	

Perhatian bagi (b)

- (i) Berikan 1 markah bagi setiap perwatakan yang betul.
- (ii) Berikan 2 markah bagi huraian atau contoh yang tepat
- (iii) Markah maksimum untuk isi 6 markah dan markah maksimum untuk bahasa 2 markah.

Novel Di Hadapan Pulau**Watak utama: Aziz****Perwatakan:**

- anak yatim yang kematian ayah dan tidak pernah melihat wajah ibunya.
- ada adik bernama Md. Nor tetapi tidak pernah bertemu.
- berusia 13 tahun
- bertahi lalat berbulu di telinga, matanya juling air, hidungnya sedikit kembang
- pendiam
- rajin buktinya membantu Syed Fikri bercucuk tanam / ambil upah membeli todi
- penyayang buktinya sayang pada Afidah / menenangkan Afidah yang kematian kesedihan selepas kematian Tuk Marzuki
- menghormati orang yang lebih tua buktinya menghormati Tuk Marzuki dan Syed Fikri
- tahu mengenang budi buktinya tidak menyusahakan makciknya Joyah

Novel Putera Gunung Tahan**Watak utama: Ratu Bongsu****Perwatakan:**

- anak perempuan tua, kerabat diraja pahang
- dilahirkan dalam hutan
- usia 10 tahun belajar pelbagai ilmu di puncak Gunung Tahan.
- Tegas dan cinta akan tanah air contohnya tawaran Tuan William untuk diberi kemewahan dan bintang kehormat sekiranya menyerahkan Gunung Tahan kepada Inggeris
- Baik hati contohnya melayan Tuan William walaupun Tuan William berniat jahat.
- Luas pengetahuan contohnya memiliki teropong ajaib boleh melihat apa-apa saja yang berlaku di tempat yang jauh.
- Bersopan santun contohnya menghormati tetamu iaitu Tuan William/ Mem William
- Bersimpati contohnya mengeluarkan Mem William daripada timbunan bangkai kapal terbang lalu merawatnya.

[Skima jawapan sebagai panduan sahaja. Jawapan lain diterima sekiranya sesuai]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT